

Berita Harian
25 November 2017

Insurans mampu milik

■ BNM lancar Skim Perlindungan Tenang manfaat 8 juta pekerja, 700,000 syarikat kecil memiliki insurans, takaful pada harga murah

■ Enam produk insurans hayat, tiga takaful keluarga, satu insurans am ditawarkan dengan caruman serendah RM33 setahun bagi nilai perlindungan RM10,000 hingga RM30,000

→ Ms.6



[FOTO NADIM BOKHARI/BH]

Abang Johari (tengah) bersama Muhammad (dua dari kiri) pada Majlis Perasmian Karnival Kewangan Sarawak 2017 & Skim Perlindungan Tenang, di Kuching, semalam.

Skim insurans mampu milik

■ Produk diperkenal BNM manfaat pekerja, syarikat kecil

Oleh Oleh Hardi Effendi Yaacob
hardie@bh.com.my

■ Kuching

Bank Negara Malaysia (BNM) memperkenalkan Skim Perlindungan Tenang iaitu program insurans dan takaful mampu milik yang bakal memberi manfaat kepada lapan juta pekerja dan 700,000 syarikat kecil di negara ini.

Buat permulaan menerusi program berkenaan, sebanyak enam produk insurans hayat, tiga produk takaful keluarga dan satu insurans am diperkenalkan dengan caruman serendah RM2.87 sebulan atau RM33 setahun bagi nilai perlindungan antara RM10,000 hingga RM30,000.

Selain daripada mampu milik, skim insurans berkenaan juga dirangka supaya mudah difahami, dibeli dan ditutut oleh penama.

Produk insurans berkenaan boleh dilanggung menerusi in-

ternet atau daripada firma insurans, takaful, bank serta pengendali khidmat telekomunikasi mudah alih, yang menyertai dengan bayaran turut dibuat dalam tempoh lima hari bekerja jika disertakan dokumen lengkap.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Muhammad Ibrahim, berkata program insurans terbaik yang dilancarkan dengan kerjasama industri insurans dan takaful di negara ini, adalah sebahagian daripada inisiatif kerajaan memperkasa kehidupan rakyat melalui kaedah yang lebih berinovasi.

Pergiat Kempem

"Dengan pengenalan skim ini, maka lebih ramai rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana, mampu memiliki perlindungan insurans seperti yang kita sarankan."

"Bank Negara juga akan terus menggiatkan kempen kesedaran dan program pendidikan, melalui pelbagai saluran dan platform, mengenai betapa

INSURAN TAKAFUL MAMPU MILIK

FIRMA	PRODUK	PERLINDUNGAN	KABAR
• AIA Bhd	AIA Starter Plan	RM10,000-RM50,000	RMB3 setahun (setiap sebulan)
• Allianz Life	Allianz Kasih Hayat	RM10,000-RM20,000	RMB3-33 setahun (setiap bulan)
• Great Eastern	Easy Care	RM30,000	RMB3-33 setahun (setiap bulan)
• Hong Leong Assurance	Life Protector	RM20,000	RMB3 setahun
• Sun Life Malaysia	SOULIFE	RM15,000-RM50,000	RMB3-365 setahun (setiap bulan)
• Tokio Marine Life	Tokio Marine Starter Pack	RM5,000 (Untuk B-S3) RM20,000 (Untuk D-S3)	2MB3 setahun (setiap bulan)

GRAFIK BH

pentingnya pemilikan perlindungan insurans dan takaful dalam kehidupan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Karnival Kewangan Sarawak 2017 & Skim Perlindungan Tenang di sempurnakan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg semalam.

Skim Perlindungan Tenang diayakini mampu menyelesaikan isu produk insurans dan takaful yang terlalu kompleks di negara ini sehingga membebani rakyat.

Skim insurans itu akan berteraskan tiga kriteria utama iaitu mampu milik, mudah difahami dan menyediakan proses tuntutan mudah.

Mengulas lanjut, Muhammad berkata, BNM mendapat kerjasama penuh daripada peserta industri insurans dan takaful dalam melaksanakan Perlindungan Tenang.

"Kita bersikap optimis dan yakin lebih banyak syarikat insurans dan takaful akan menyertai platform ini, khusus dalam menghasilkan produk atau

skim perlindungan mampu milik serta efisien bagi membantu rakyat," katanya.

Muhammad berkata, BNM komited untuk memberi tumpuan kepada aspek kewangan inklusif, termasuk meningkatkan perkhidmatan perbankan di kawasan pedalaman.

Muhammad berkata, langkah itu penting bagi memastikan rakyat memperoleh akses kepada perkhidmatan kewangan yang berkualiti.

"Di Sarawak, perkhidmatan perbankan kini sudah menembusi hingga ke Telang Usang dan Belaga yang terletak di pedalaman. Justeru, perkhidmatan ejen bank akan diperluaskan bagi memastikan tiada segmen masyarakat yang ketinggalan menikmati khidmat kewangan."

"Rangkaian ejen bank di Sarawak kini meningkat kepada 632 daripada 14 pada 2012. Kini, 97 peratus daerah di Sarawak, begitu juga 99.7 peratus penduduk negeri ini sudah menikmati khidmat perbankan asas," katanya.